

11 AUG 1998

Anwar-reaksi

RAMAI SOKONG KENYATAAN ANWAR CALON DR MAHATHIR SEBAGAI PRESIDEN UMNO

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin UMNO hari ini menyifatkan pengumuman awal Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO sebagai wajar dan memamatkan desas-desus kononnya beliau akan bertanding untuk merebut jawatan itu.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik berkata, kenyataan itu jelas telah memberi isyarat kepada orang ramai supaya berhenti daripada membincangkan isu kononnya Anwar akan mencabar Dr Mahathir bagi jawatan presiden parti pada persidangan UMNO tahun depan.

"Pulau Pinang mungkin negeri yang pertama membuat pengumuman rasmi seumpama itu dan saya percaya negeri-negeri lain juga mempunyai cadangan yang sama," katanya.

Sabbaruddin berkata, kenyataan Anwar itu akan memberi kesan yang mendalam kerana pengumuman itu dilakukan secara rasmi di Pulau Pinang.

Anwar dalam ucapannya pada perasmian Menara Umno Pulau Pinang oleh Perdana Menteri hari ini berkata, semua bahagian Umno di negeri itu akan mencalonkan Dr Mahathir untuk mengekalkan jawatannya manakala beliau akan kekal untuk mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata, keputusan Anwar untuk tidak bertanding jawatan presiden itu haruslah dihormati oleh semua anggota parti.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, kenyataan Anwar adalah serius dan beliau jelas tidak mahu merebut jawatan itu dan tidak mahu sesiapaupun mengadu-dombakan beliau dengan Dr Mahathir.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad berkata, pengumuman Anwar adalah satu pendirian UMNO Pulau Pinang dan sokongan untuk mengekalkan jawatan kedua-dua pemimpin itu tidak akan berbelah bahagi.

"Tiada sebab untuk sesiapaupun membincangkan perebutan jawatan presiden kerana Anwar telahpun mengulangi perdiriannya secara serius," katanya.

-- BERNAMA

AA MAI